BAB IV

BAB IV

KESIMPULAN DAN SARANAN

4.0 : KESIMPULAN

Kos mahkamah boleh didefinisikan sebagai bayaran yang perlu ditanggung oleh pihak bertikai dalam sesuatu prosiding perbicaraan di Mahkamah. Hakim akan menaksirkan jumlah amaun tertentu yang perlu ditanggung oleh sebelah pihak atau pihak masing-masing pada akhir perbicaraan. Mahkamah akan mengeluarkan perintah berkenaan kos secara pertimbangan munasabah dan kriteria-kriteria lain yang perlu diberi perhatian seperti permohonan yang dibuat oleh pihak bertikai. Secara amnya, penentuan kadar kos perbicaraan dibuat berasaskan kaedah-kaedah fee dan kos dan kuasa budi bicara hakim seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Umumnya, kos mahkamah meliputi kos perbicaraan, fee mahkamah dan bayaran guaman. Dalam menentukan kos guaman tidak terdapat satu garis panduan yang mengikat peguam dalam menentukan bayaran perkhidmatan yang dikenakan. Bayaran perkhidmatan guaman adalah bergantung kepada keperluan yang dikehendaki oleh pelanggan dalam mengendalikan sesuatu kes. Sekiranya kes yang dikendalikan oleh peguam agak rumit dan berpanjangan maka bayaran yang dikenakan agak tinggi berbanding dengan kes yang mengambil masa yang singkat dan mudah.

Secara amnya, bayaran perkhidmatan guaman sukar untuk ditentukan secara tetap dan seragam disebabkan kes yang dikendalikan oleh peguam tidak sama antara satu sama lain. Logiknya, bayaran perkhidmatan guaman tidak dapat

diseragamkan kerana perkhidmatan guaman diklasifikasikan dalam kategori perkhidmatan profesional. Jumlah bayaran yang dikenakan terhadap pelanggan juga munasabah (*reasonable*) memandangkan perkhidmatan guaman sama dengan perkhidmatan profesional yang lain seperti doktor, jurutera, akauntan dan sebagainya.

Meskipun terdapat Kaedah-Kaedah Kos dan Fee Mahkamah Syariah 1991 yang diperuntukkan di bawah Kanun Prosedur Mal Syariah 1991, namun dari segi amalan penaksiran kos mahkamah masih mempunyai kelemahan dan tidak mempunyai kaedah yang sistematik dan konsisten seperti yang dipraktikkan oleh Mahkamah Awam. Kebanyakan Mahkamah Syariah di setiap negeri di Malaysia tidak mempunyai kaedah kos dan fee yang jelas dan lengkap untuk dijadikan rujukan kepada hakim dalam menentukan kadar kos perbicaraan dengan lebih konsisten.

Amalan yang berlaku di Mahkamah Syariah pada hari ini para hakim tidak terlalu bergantung kepada Kaedah-Kaedah Kos dan Fee yang telah dibuat tetapi menggunakan alternatif lain yang diberikan oleh undang-undang iaitu kuasa budi bicara yang diberikan kepada mahkamah. Dengan lain perkataan, apabila mahkamah menentukan kadar kos perbicaraan, mekanisme yang cenderung digunakan oleh para hakim berasaskan budi bicara (firasat hakim) dengan mengambilkira kebajikan dan kepentingan pihak bertikai.

Justeru, apa yang menjadi pertimbangan mahkamah dalam menaksirkan kos perbicaraan berdasarkan Kaedah-Kaedah Kos dan Fee dan kuasa budi bicara yang dibenarkan oleh undang-undang dalam memutuskan perkara-perkara yang berkaitan kos mahkamah. Keadilan kepada pihak bertikai perlu diberi perhatian oleh mahkamah agar keputusan yang dibuat benar-benar mencapai objektif keadilan dan tidak memihak pada mana-mana pihak. Di samping itu, elemen-elemen lain yang perlu diberi perhatian oleh mahkamah seperti wang atau harta yang terlibat amaun dan nilainya, tempat dan situasi yang di dalamnya urusan yang terlibat itu dilakukan. Mahkamah juga perlu mengambilkira kemahiran, pengetahuan khusus dan obligasi yang diperlukan, masa dan tenaga yang dihabiskan oleh peguamcara. Kesemua elemen ini perlu menjadi ukuran asas kepada mahkamah dalam menimbangkan kadar kos perbicaraan sebelum keputusan ini dikeluarkan.

Sehubungan itu, mahkamah perlu mengambil pendekatan yang terbaik dengan mewujudkan satu garis panduan yang sistematik berkenaan dengan Kaedah-Kaedah Kos dan Fee Mahkamah Syariah. Garis panduan ini akan menjadi rujukan yang mengikat kepada hakim dalam menentukan kadar kos perbicaraan. Ini kerana, kebanyakan Mahkamah Syariah pada hari ini tidak mempunyai Kaedah-Kaedah Kos dan Fee yang khusus seperti yang diamalkan di Mahkamah Awam. Penentuan kadar kos perbicaraan di Mahkamah Awam adalah terikat dengan fee dan kos yang lebih lengkap dan terperinci. Pertimbangan hakim dalam menentukan kos Mahkamah Syariah pada masa sekarang cenderung kepada kuasa budi bicara disebabkan kekaburan yang terdapat dalam Kaedah Kos dan Fee dari segi butiran fee dan skala kos.

Justeru, Ketua Hakim Syarie perlu menggunakan kuasa yang diperuntukkan kepadanya di bawah seksyen 254 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah 1991. Melalui kuasa ini, Ketua hakim Syarie boleh melalui pemberitahuan dalam Warta membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan yang terdapat dalam seksyen 209 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah 1991, memberi kos prosiding yang dibuat di mahkamah. Amalan yang berlaku di Mahkamah Syariah Selangor, kuasa yang diperuntukkan tersebut belum digunakan sepenuhnya oleh Ketua Hakim Syarie untuk mewujudkan Kaedah-Kaedah Kos dan Fee Mahkamah yang mengikat dan menjadi rujukan kepada hakim-hakim yang lain. Diharapkan dengan adanya kaedah-kaedah yang khusus (*established principles*), pihak-pihak bertikai benar-benar bersedia dalam membuat sesuatu tindakan atau pembelaan. Ini kerana, kos merupakan senjata dari aspek prosedur bagi memastikan prosiding Mahkamah Syariah tidak dipermainkan dan berlaku penyalahgunaan proses Mahkamah. Oleh yang demikian, disebabkan ketiadaan kaedah yang lengkap dan sistematik menyebabkan pihak bertikai beranggapan pelaksanaan berkenaan kos agak longgar tidak seperti yang diamalkan oleh Mahkamah Awam.

Selain itu, Kaedah-Kaedah Kos dan fee 1991, perlu juga memasukkan peruntukan memberi kuasa kepada Ketua Pendaftar dalam menentukan kos perbicaraan. Ini kerana, peranan pendaftar mahkamah membantu hakim dalam menguruskan hal-hal yanng berkaitan pentadbiran dan prosedur mahkamah. Adalah tidak praktikal sekiranya penaksiran kos yang dibuat oleh Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah dirayu kepada hakim di peringkat Mahkamah Rendah. Ini kerana, dari segi gred perjawatan ia mempunyai persamaan kerana

kedua-duanya dari skim L3. Sepatutnya rayuan perlu dibuat kepada peringkat yang lebih tinggi dan Hakim perlulah berjawatan lebih tinggi daripada pendaftar. Justeru, keperluan untuk menaikkan taraf perjawatan hakim perlu dibuat kajian semula oleh Pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Sehubungan itu pihak berkuasa perlu memantau dan memastikan yuran guaman bagi pelbagai kes di Mahkamah Syariah diseragamkan dan kawalan perlu dilakukan bagi mengelakkan peguam syarie mengenakan bayaran terlalu tinggi kepada pelanggan. Ini kerana, setiap kes syariah yang dilakukan oleh individu membabitkan individu yang mempunyai taraf sosioekonomi dan situasi kes yang berbeza. Amalan yang berlaku, firma guaman bebas menentukan jumlah bayaran yang perlu dijelaskan oleh pelanggan tanpa ada sebarang kawalan dari pihak berkuasa. Penyeragaman bayaran perkhidmatan guaman bertujuan untuk memastikan tidak ada peguam yang mengambil kesempatan dengan mengenakan bayaran yang tinggi dan menjejaskan kebajikan pengguna. Sekiranya berlaku kes peguam mengenakan bayaran tinggi kepada pelanggan meninggalkan reputasi buruk kepada guaman syarie di negara ini.

Adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa perlu mewujudkan dan menyeragamkan Kaedah-Kaedah Kos dan Fee Mahkamah Syariah di setiap negeri. Perlaksanaan ini perlu dilakukan supaya negeri yang belum lagi mempunyai kaedah-kaedah yang khas berhubung kos mahkamah menggubal satu peruntukan berkenaan panduan kos dan fee mahkamah dan dimasukkan dalam Enakmen Kanun Prosedur Mal negeri masing-masing. Penyelarasan Enakmen Kanun Prosedur Mal bertujuan untuk memudahkan mahkamah menentukan kadar

kos perbicaraan dengan lebih sistematik dan seragam. Justeru, tidak timbullah keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah berkenaan kadar penetapan kos perbicaraan setiap negeri berbeza dan menimbulkan ketidakpuasan di kalangan pihak bertikai. Masalah ini timbul disebabkan tidak terdapat kaedah-kaedah kos dan fee yang seragam di setiap negeri dan ada pula negeri yang masih di peringkat cadangan untuk mewujudkan Kaedah-Kaedah Kos dan Fee Mahkamah Syariah seperti di Wilayah Persekutuan.

Justeru, penambahbaikan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah mutakhir ini dengan memasukkan Kaedah-Kaedah Kos dan Fee dalam Kanun Prosedur Mal Syariah adalah satu perkembangan yang positif dan relevan menepati kehendak syariah yang bersifat fleksibel dalam melayani kehendak keperluan semasa. Perubahan dari segi amalan dan prosedur amat diperlukan untuk menampung keperluan semasa dan perkembangan terkini perundangan dalam meningkatkan keupayaan undang-undang Syariah yang bersifat fleksibel.

Adalah diharapkan supaya Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dapat menyelaras dan menyeragamkan Kaedah-Kaedah Fee dan Kos Mahkamah Syariah yang lengkap dan teratur serta dicadangkan dipakai di seluruh negeri. Keperluan kepada satu kaedah fee dan kos yang lengkap dan seragam amat diperlukan untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme amalan guaman dan pentadbiran kehakiman Islam.